

Kepulauan Spratly: Malaysia gesa China, ASEAN teruskan rundingan

UM- 3/10/2006
NANNING 30 Okt. - Malaysia menggesa China dan negara-negara ASEAN yang terlibat dalam tuntutan bertindih ke atas gugusan Kepulauan Spratly meneruskan rundingan di peringkat pegawai kanan bagi menjayakan susulan berikutan deklarasi mencegah konflik di Laut China Selatan yang dimeterai pada 2002.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, susulan itu penting ke arah guna pakai etika tatalaku dalam meningkatkan lagi pencapaian kepada pengurusan isu tersebut.

"Malangnya perkembangan ke arah mencapai objektif itu agak lembap," katanya. Perkara tersebut disentuh oleh Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapannya pada sesi tertutup Sidang Kemuncak Peringatan China-ASEAN Ke-15 di sini hari ini.

China bersama beberapa negara ASEAN iaitu Malaysia, Filipina, Vietnam dan Brunei turut terlibat dalam pertikaian tuntutan kawasan di Kepulauan Spratly, yang pernah mencetuskan konflik pada dekad 1970-an.

Melainkan Brunei, negara-negara berkenaan telah menempatkan trup dan kemudahan tentera di kawasan tuntutan mereka, yang dilihat berisiko berlaku konflik.

Bagaimanapun selepas Deklarasi Tatalaku Pihak-Pihak di Laut China Selatan dimeterai pada 2002, tiada perkembangan yang mencemaskan dan ini adalah hasil hubungan baik China-ASEAN

terutama dengan negara-negara yang terlibat dalam tuntutan itu.

Satu lagi isu keselamatan yang dibangkitkan oleh Abdullah ialah perkembangan isu nuklear Korea Utara dan keamanan Semenanjung Korea. Beliau berharap China, sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan tuan rumah perbincangan enam pihak, akan dapat memainkan peranan utama dalam mencari penyelesaian.

Katanya, isu tersebut amat serius dalam usaha menjadikan rantau ini bebas daripada ancaman senjata nuklear. Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berharap sebarang tindakan sekatan tidak akan memburukkan lagi keadaan.

Malaysia juga, katanya, turut mengalu-alukan hasrat China untuk menyertai protokol bebas senjata nuklear ASEAN bagi Asia Tenggara. Beliau percaya tahap keyakinan dan kepercayaan antara China dan ASEAN semakin baik dan ini menyumbang kepada keamanan rantau ini.

Katanya, negara-negara senjata nuklear lain sewajarnya mencontohi langkah China dalam menandatangani perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara.

Perjanjian itu antara lain melarang negara-negara anggota mengeluarkan, memperoleh dan mengangkut senjata nuklear melalui Asia Tenggara.

Beliau turut menekankan bahawa China adalah rakan strategik yang penting kepada ASEAN.

- Utusan